

BAB 4

AMIL DI LEMBAGA ZAKAT SELANGOR.

4.0 Pendahuluan

Hubungan di antara zakat dan pemerintah menjadi jelas apabila wujudnya amil. Sebilangan fuqaha cenderung dengan idea pembayaran zakat seharusnya melalui amil.¹ Idea ini memberi ruang kepada pemerintah untuk melantik amil atau menguruskan hal-ehwal zakat. Di negeri Selangor seperti mana negeri-negeri lain di Malaysia, mempunyai struktur pentadbiran hal-ehwal agamanya sendiri termasuk mentadbir urusan zakat sejak sekian lama. Oleh itu, sebagai pihak yang mewakili pihak berkuasa agama negeri, mereka diberi kuasa mengutip dan mengagih zakat. Perbincangan samada perkembangan dan evolusi perlantikan amil di Selangor berjaya memantapkan profesion amil atau tidak boleh diketahui menerusi sejarah urus tadbir zakat negeri.

4.1 Perkembangan Awal Undang-Undang dan Pentadbiran Zakat di Selangor

Selangor mula memperkenalkan Undang-Undang Kecil zakat pada tahun 1953 melalui Atoran Pentadbiran Ugama Islam (fitrah & zakat) 1953 (no.1033) yang ditubuhkan ditubuhkan di bawah kuasa Enakmen Pentadbiran Ugama Islam 1952 (no.3). Peraturan ini dipinda pada tahun 1969 melalui SI P.U.53 Peraturan

¹ Al-'Asqalani (1997), *op.cit.*, j.3, h. 449, Al-Jauzi, Ibn Qayyim (1998) *op.cit.*, j 2, h. 6, Al-Shawkani (1992), *op.cit.*, h.135, Al-Qaradawi (1999), *op.cit.*, h. 552.

Kutipan dan Pembahagian Zakat Fitrah Selangor (Pindaan) 1973.² Undang-Undang ini diwujudkan setahun selepas penubuhan Majlis Agama Islam Selangor.

Seperti negeri lain, Selangor meletakkan pengurusan zakat bersama dengan wakaf dan baitulmal dalam satu jabatan/bahagian di bawah pentadbiran kerajaan negeri.³ Urusan hal-ehwal zakat ini diletakkan di bawah Majlis Agama Islam Selangor yang sebelum itu dikenali sebagai Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Selangor. Majlis ini ditubuhkan pada tahun 1952 di bawah seksyen 5, enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1952 (Enakmen No. 3 1952). Majlis ini bertanggungjawab terus kepada DYMM Sultan Selangor selaku Ketua Agama Negeri.⁴

Sebelum Pusat Pungutan Zakat Selangor ditubuhkan pada awal 90-an, pengurusan zakat terletak di bawah Bahagian Baitulmal dan Zakat, Jabatan Agama Islam Selangor. Bahagian ini ditadbir oleh seorang Penolong Pengarah. Penyelarasan tugas dibuat menerusi perlantikan pegawai zakat di setiap daerah. Pegawai ini bekerja dibawah seliaan Kadi /Pegawai Agama Islam daerah masing-masing. Namun arahan dan tugas berkaitan zakat, datang dari Bahagian Baitulmal dan Zakat yang terletak di ibupejabat Jabatan Agama Islam Selangor.⁵

² Ahmad Hidayat Buang (2006), *op.cit*, h. 327.

³ Azizah Hj Dolah et al (2005), *Kajian Terhadap Amalan Perakaunan Pengurusan Dalam Aspek Agihan Dana dari Perspektif Pengurus Zakat*, Shah Alam: Institut Kajian Zakat (IKAZ), UiTM, h. 189.

⁴ *Kertas Kerja MAIS, Sejarah & Pencapaian* (t.t). Salinan Terhad Kakitangan. Salinan milik Hj Isa Wardi, LZS, h. 1.

⁵ Temuramah dengan En Isa Bin Wardi, bekas pegawai zakat JAIS yang kini bertugas di Lembaga Zakat Selangor pada 28 Mei 2007 jam 11 pagi.

Pegawai ini merupakan penyelaras hal-ehwal zakat merangkap ketua amil zakat fitrah bagi setiap daerah. Mereka bertanggungjawab dalam perlantikan amil zakat fitrah setiap kampung di daerah masing-masing. Pemilihan amil zakat fitrah dilakukan oleh jawatankuasa masjid sebelum dipanjangkan kepada pegawai zakat untuk disahkan.

Pegawai zakat daerah yang bertugas akan mengagihkan resit zakat kepada amil zakat fitrah, bertanggungjawab dalam mengagihkan bantuan zakat dengan kerjasama ketua kampung dan nazir masjid⁶, mengenalpasti asnaf, membuat baucer pembayaran, mengumpulkan duit zakat daripada setiap amil untuk dimasukkan ke dalam bank secara manual. Mereka adalah pihak yang diberi kuasa menaksir dan menerima pembayaran zakat harta khususnya zakat pertanian. Mereka turut berperanan sebagai ejen dakwah dan mempromosi zakat dengan aktiviti-aktiviti seperti berkhotbah dan memberi ceramah di masjid-masjid sekitar daerah untuk menyeru orang ramai agar membayar zakat.⁷

4.2 Sejarah Pengurusan Zakat Secara Korporat di Selangor

Pentadbiran zakat di Selangor memasuki fasa baru apabila Pusat Pungutan Zakat MAIS ditubuhkan pada 15 Februari 1994. Didaftarkan sebagai salah sebuah anak syarikat Majlis Agama Islam Selangor dengan nama MAIS ZAKAT Sdn Bhd di

⁶ Temubual dengan Tuan Haji Nasirin Bin Ahmad, *Amil Zakat Fitrah*, Kg Kanchong Tengah, Banting, di rumah beliau pada jam 11 pagi 20 Oktober 2005.

⁷ Temuramah dengan En Isa Bin Wardi, bekas pegawai zakat JAIS yang kini bertugas di Lembaga Zakat Selangor pada 28 Mei 2007 jam 11 pagi.

bawah Akta Syarikat 1965. Pusat Pungutan Zakat ini memulakan operasinya di Seksyen 14, Petaling Jaya dengan sokongan lapan orang kakitangan. Matlamat penubuhannya pada waktu itu bertujuan memperbaiki kaedah pengurusan zakat yang sedia ada.⁸

Pusat Pungutan Zakat Selangor pada masa ini hanya menjalankan operasi kutipan zakat sahaja. Manakala operasi agihan masih dilakukan oleh Bahagian Baitulmal Majlis Agama Islam Selangor. Proses kutipan zakat disasarkan kepada golongan yang menetap dan bekerja di negeri Selangor. Kutipan hanya terhadap terhadap zakat harta seperti zakat perniagaan, zakat pendapatan, zakat emas dan perak dan lain-lain tanpa melibatkan zakat fitrah. Urusan zakat fitrah masih dikendalikan oleh Bahagian Baitulmal.⁹

Pusat Pungutan Zakat ini semakin berkembang dengan pengambilan lebih ramai kakitangan apabila segala prasarana dan kelengkapan pejabat meliputi perisian sistem berkomputer berjaya disempurnakan menjelang Oktober 1995. Seiring dengan kemajuan ini, pada Oktober tahun berikutnya, Pusat Pungutan Zakat telah ditukar nama kepada Pusat Zakat Selangor (PZS). Tidak sampai setahun selepas itu pejabat PZS sekali lagi telah berpindah, kali ini ke seksyen 9 Shah Alam.¹⁰

Pada tahun 1997 tanggungjawab PZS telah bertambah apabila proses kutipan zakat fitrah diletakkan di bawah pengurusan PZS. Bermakna segala urusan yang

⁸ Portal Lembaga Zakat Selangor (LZS). www.e-zakat.gov.my, diakses pada 28 Mei 2007.

⁹ *Ibid.*

¹⁰ *Ibid.*

berkaitan zakat fitrah, pengeluaran resit dan perlantikan amil diuruskan sepenuhnya oleh PZS. Kepercayaan kerajaan negeri sampai ke kemuncaknya apabila urusan pengagihan zakat oleh MAIS sebelum ini telah diserahkan kepada PZS secara rasmi pada 1 Januari 1998. Proses ini dilakukan dengan penyerapan Pusat Agihan Zakat Baitulmal MAIS berserta dengan kakitangannya menjadi entiti PZS yang dikenali sebagai Bahagian Agihan Zakat.¹¹

Melihat kepada operasi PZS yang semakin berkembang, PZS telah dipindahkan ke pejabat yang lebih besar iaitu di Kompleks MAIS Klang pada 1 Mei 2000. Pada tahun yang sama, PZS telah berjaya mendapat pengiktirafan kualiti MS ISO 9002. Setelah empat tahun beroperasi dengan jayanya di Klang, PZS dipindahkan ke lokasi yang lebih strategik iaitu di Bangunan Sultan Idris Shah, Shah Alam pada Julai 2004. Sejurus selepas berpindah ke situ, PZS telah mendapat mandat baru iaitu menguruskan kutipan wakaf khususnya saham wakaf di negeri Selangor. Kakitangan PZS juga telah bertambah kepada lebih 180 orang kakitangan dan telah membuka sebanyak 22 buah kaunter zakat di seluruh negeri Selangor.¹²

Pada 31 Januari 2006 bersamaan 1 Muharam 1427H Pusat Zakat Selangor (PZS) MAIS dengan rasminya telah dinaiktaraf kepada Lembaga Zakat Selangor (LZS). Pelancaran telah dilakukan oleh DYMM Sultan Selangor di Masjid Jamek Kg Kanchong Darat, Banting bersempena dengan sambutan Maal Hijrah 1427H

¹¹ Menurut En Isa b. Wardi, kakitangan Pusat Agihan Zakat Baitulmal MAIS diberikan dua pilihan, samada kekal di MAIS atau memilih menjadi kakitangan PZS.

¹² Laporan Pengurusan Zakat Selangor 2006, h.53.

peringkat negeri Selangor.¹³ Idea menaikkan taraf PZS ini adalah hasil cetusan idea Pengerusi MAIS merangkap Pengerusi PZS ketika itu iaitu Dato' Setia Haji Mohamad Adzib Mohd Isa yang ingin menjadikan PZS lebih besar dan berkredibiliti dalam menguruskan dana zakat yang semakin meningkat.¹⁴

Transformasi entiti ini berlaku seiring dengan usaha PZS meningkatkan keyakinan umum dan juga membentuk imej baru sebuah organisasi zakat yang lebih progresif dan proaktif di Malaysia¹⁵. Semakan demi semakan telah dilakukan dan akhirnya pilihan terbaik untuk mentadbir PZS dengan mengubah entiti sendirian berhad tersebut¹⁶ kepada perbadanan atau yayasan di bawah Akta Pemegang Amanah (Perbadanan) 1952.¹⁷

Usaha ke arah transformasi entiti dan penjenamaan semula ini merupakan salah satu cara untuk mengubah persepsi dan kekeliruan pembayar zakat bahawa LZS sebenarnya mengutip zakat dan mengagihkan zakat untuk kepentingan orang Islam dan bukan syarikat yang menjalankan aktiviti-aktiviti untuk mendapatkan keuntungan dan pelaburan.

Oleh itu nama LZS sendiri menggambarkan entiti pemegang amanah yang tidak bermotifkan keuntungan dan jelas kepada umat Islam LZS tidak boleh membuat

¹³ Majalah Asnaf 1/2006. Wawancara dengan Dato' Setia Haji Mohamad Adzib Mohd Isa di bawah tajuk LZS, Lembaran Baru PZS, h. 6.

¹⁴ *Ibid.*

¹⁵ Majalah Asnaf 1/2006, Wawancara dengan Setiausaha LZS, Norjan Ahmad Shah di bawah tajuk LZS (MAIS), Satu Transformasi, h. 10.

¹⁶ Pusat Zakat Selangor sebelum 31 Jan 2006 beroperasi menggunakan nama MAIS Zakat Sendirian Berhad.

¹⁷ Majalah Asnaf 1/2006, *op cit.*, h. 10.

pelaburan yang berteraskan keuntungan. Di samping itu, status Lembaga memudahkan lagi pentadbiran apabila berurusan dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Penjenamaan juga menggambarkan tanggungjawab LZS menjadi semakin besar selaras dengan kutipan zakat yang telah mencecah lebih dari RM100 juta setahun.¹⁸

4.3 Lembaga Zakat Selangor (LZS)

Tujuan asas penaiktarafan Pusat Zakat Selangor kepada Lembaga Zakat Selangor adalah untuk menguruskan kutipan dan agihan zakat di negeri Selangor dengan lebih berkesan. Lebih khusus lagi objektif LZS adalah untuk menangani dan membasmi kemiskinan, memaksimumkan potensi dalam kutipan zakat, memperkasakan pengurusan institusi zakat, memberikan perkhidmatan pelanggan yang lebih berkualiti dan untuk meningkatkan pembangunan sosio-ekonomi ummah dan syiar Islam.¹⁹

Penjenamaan semula daripada Pusat Zakat Selangor kepada Lembaga Zakat Selangor seiring dengan tanggungjawab dan kapasiti institusi ini yang menjadi lebih besar, di samping meningkatkan imej institusi di mata umum dalam menguruskan dana zakat. Biar pun terdapat kekeliruan di sebalik perubahan nama institusi, penaiktarafan status PZS kepada LZS sebenarnya telah memperkukuhkan lagi

¹⁸ Statistik Kutipan Zakat 2004 (RM107,820.000.00), Statistik 2005 (RM 133,121.000.00). Sumber : Majalah Asnaf 1/2006, h. 15, Statistik 2006 (159,934,013.00) Sumber : Laporan Tahunan LZS 2006.

¹⁹ e-zakat.com.my, *op.cit*, diakses pada 28 Mei 2007.

tanggungjawab MAIS dalam pengurusan zakat di Selangor dan bukan menjadikannya sebuah entiti yang berasingan. Proses ini masih mengekalkan LZS sebagai sebuah institusi agama tetapi dalam masa yang sama mengaplikasikan pendekatan korporat di dalam pengurusannya yang bertujuan meningkatkan kecekapan mengurus dana awam.²⁰

Visi Lembaga Zakat Selangor adalah sebagai sebuah organisasi yang terunggul dalam menerajui kecemerlangan pengurusan zakat yang bertaraf dunia pada masa kini. Manakala misi korporat Lembaga Zakat Selangor adalah untuk mengurus dan memanfaatkan potensi kutipan dan agihan zakat dengan lebih efisien, efektif dan berkualiti kepada seluruh umat Islam di Selangor berdasarkan kepada nilai-nilai terpuji, selaras dengan tuntutan syarak bagi mencapai keseimbangan sosio-ekonomi umat Islam.²¹

4.4 Lembaga Pemegang Amanah LZS

Sepanjang penubuhannya, bermula daripada institusi yang dikenali sebagai Pusat Pungutan Zakat sehinggalah kepada Lembaga Zakat Selangor, Ahli Lembaga Pengarah atau kini dikenali sebagai Lembaga Pemegang Amanah telah beberapa kali bertukar ganti. Mulai 1 Julai 2008 Lembaga Pemegang Amanah Lembaga Zakat Selangor dipengerusikan oleh Tan Sri Syed Anwar Syed Putra Jamalullail diikuti Timbalan Pengerusi disandang oleh Y.A.D Dato' Setia Mohamad Adzib Bin Mohd

²⁰ Majalah Asnaf 1/2006, *op cit.*, h. 10.

²¹ e-zakat.com.my, *op.cit.* diakses pada 28 Mei 2007.

Isa yang juga Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor.

Ahli-ahli yang lain seperti berikut²² :

1. S.S Tuan Hj Mohammed Khusrin Hj Munawi, Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).
2. Y.A.D S.S Dato' Setia Hj. Mohd Tamyas Abd Wahid yang juga Dato' Seri Utama Diraja Mufti Negeri Selangor,
3. Y.Bhg. Datuk Seri Arsyad Raja Tun Uda, Ahli Lembaga Pengarah Khazanah Nasional Berhad,
4. YB. Datuk Dr Hassan Mohammed Ali, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal-Ehwal Islam, Adat Melayu, Infrastruktur dan Kemudahan Awam Kerajaan Negeri Selangor,
5. Y.Bhg. Dato' Dr Abdul Monir Yaacob,
6. Y.Bhg. Prof. Madya Dr. Hailani Muji Tahir, Pensyarah di Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia,
7. Yg. Arif Datin Paduka Hajah Badariah Hassan. Pengerusi Mahkamah Perusahaan,
8. YB Dato' Zouyah Be Bt T.Loah Khan. Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor,
9. Y,Bhg Puan Siti Fatimah Bt Jalal. Bendahari Negeri Selangor
10. Y. Bhg Dato' Siti Maslamah Bt Osman, Mantan Akauntan Negara.²³

²² e-zakat.com.my, *op.cit.*, diakses pada 25 Sept 2008.

²³ Ahmad Shahir Makhtar (2007), *Paradigma Pengurusan Institusi Zakat : Pengalaman Lembaga Zakat Selangor (MAIS)*, h. 6, Kertas Kerja Persidangan Cukut dan Zakat Kebangsaan 2007, di PWTC 23 Mei 2007.

4.4.1 Peranan Lembaga Pemegang Amanah LZS

Di bawah Lembaga Pemegang Amanah terdapat enam²⁴ buah Jawatankuasa Tetap yang diketuai oleh setiap seorang daripada Ahli Lembaga Pemegang Amanah iaitu²⁵ :

Pertama : Jawatankuasa Operasi Kutipan Zakat

Mereka bertanggungjawab merangka dasar dan strategi program kesedaran berzakat, memantau perancangan strategi peningkatan bilangan pembayar dan kutipan zakat, mengenalpasti peluang dalam usaha meningkatkan kutipan zakat dan melantik penolong amil dan ejen kutipan zakat berdasarkan keperluan.²⁶

Kedua : Jawatankuasa Operasi Agihan Zakat

Peranan mereka adalah untuk merangka dasar dan program agihan zakat, melaksanakan pengagihan zakat mengikut polisi MAIS dan hukum syarak, memastikan bentuk-bentuk agihan zakat agar tidak bercanggah dengan fatwa agihan zakat dan merancang serta melaksanakan program pembasmian kemiskinan bersama-

²⁴ Sumber : Laporan Pengurusan Zakat Selangor 2006, h.10. Sila rujuk Lampiran 3. Jawatan Kuasa Tetap Lembaga Pemegang Amanah LZS.

²⁵ Setiap Ahli Lembaga Pemegang Amanah mempunyai tugas khusus di bawah Jawatankuasa Tetap dan dibantu oleh pakar-pakar dalam bidang berkaitan. Sumber : Laporan Pengurusan Zakat Selangor 2006, h.10.

²⁶ Pada 2006-2008 Jawatankuasa ini diketuai oleh Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah LZS, dan dianggotai oleh beberapa orang lagi profesional seperti YB Datuk Zaayah Be bt Loth Khan, YAD. Dato' Setia Haji Mohd Tamyas Abd Wahid, Dato' Haji Mohd Idris Jauzi, Prof Madya Syed Ghazali Wafa, Syed Adwam Wafa dan Dr. Mujaini Tarimin. Sumber : Laporan Pengurusan Zakat Selangor 2006, h.10.

sama dengan program pembangunan ummah.²⁷

Ketiga : Jawatankuasa Pentadbiran dan Sumber Manusia

Mereka berperanan merangka dasar dan skim perkhidmatan dan keperluan sumber manusia, mengesahkan atau menamatkan perkhidmatan kakitangan yang gagal mematuhi syarat-syarat perkhidmatan, berfungsi sebagai Jawatankuasa kenaikan pangkat di peringkat eksekutif dan ke atas dan meluluskan skim insentif baru bagi kebajikan kakitangan.²⁸

Keempat : Jawatankuasa Audit dan Kewangan

Jawatankuasa ini berfungsi merangka dasar dan kaedah pentadbiran kewangan LZS, memastikan urusan pentadbiran dan kewangan dilaksanakan dan diselia dengan efisien, terkawal dan telus, mengawal sumber kewangan dan memantau kemudahan fizikal yang terancang dan terkawal.²⁹

²⁷ Pada 2006-2008 Jawatankuasa ini diketuai oleh YAD. Dato' Setia Haji Mohd Tamyas Abd Wahid dan dianggotai oleh S.S Tuan Hj Mohammed Khusrin.Hj Munawi, Prof. Madya Dr. Hailani Muji Tahir, Dato' Haji Mohd Mokhtar Shafie, Tuan Hj Nik Mustafa Nik Hasan dan Dr Sharifah Hayaati bt Syed Ismail. Sumber : Laporan Pengurusan Zakat Selangor 2006, h.11.

²⁸ Pada 2006-2008 Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh S.S Tuan Hj Mohammed Khusrin b.Hj Munawi dan dianggotai oleh Prof. Madya Dr. Hailani Muji Tahir dan Puan Siti Fatimah bt Jalal, Sumber : Laporan Pengurusan Zakat Selangor 2006, h.11.

²⁹ Pada 2006-2008 Jawatankuasa ini diketuai oleh Prof.Madya Dr. Hailani Muji Tahir. Ahli-ahlinya, Y.Bhg. Dato' Dr Abdul Monir Yaacob, Puan Siti Fatimah bt Jalal, Y. Bhg Dato' Siti Maslamah Bt Osman dan Puan Noraini Nordin. Sumber : Laporan Pengurusan Zakat Selangor 2006, h.11.

Kelima : Jawatankuasa Pembangunan Korporat

Jawatankuasa ini berperanan merangka dasar dan perancangan korporat, mengkaji dan menganalisa perkembangan aktiviti utama, mengenalpasti inovasi baru dalam meningkatkan perkhidmatan pelanggan dan merangka dasar penyelidikan dan pembangunan LZS.³⁰

Keenam : Jawatankuasa Undang-Undang.³¹

Mereka berperanan merangka dasar berkaitan perundangan zakat, mengenalpasti keperluan kewujudan kaedah/peraturan kutipan dan agihan zakat, membantu mengatasi kes-kes perundangan dan membuat persediaan gerak kerja bagi penguatkuasaan enakmen.³²

4.5 Struktur Organisasi Pengurusan LZS.³³

Lembaga Zakat Selangor ditadbir oleh seorang Pengurus Besar dan dua Timbalan Pengurus Besar. (Bahagian Pengurusan dan Bahagian Operasi). Terdapat lapan buah jabatan dan sebuah akademi di LZS. Lima jabatan di bahagian operasi

³⁰ Pada 2006-2008 Pengerusinya, Y.Bhg. Dato' Dr Abdul Monir Yaacob, S.S Tuan Hj Mohammed Kusrin b.Hj Munawi, Y. Bhg Dato' Siti Maslamah Bt Osman, Dato' Haji Ibrahim b. Yusof dan Dato' Aidit b. Ghazali. Sumber : Laporan Pengurusan Zakat Selangor 2006, h.11.

³¹ Ahmad Shahir Makhtar(2007), *op.cit*, h. 7.

³² Jawatankuasa ini diketuai oleh YB Dato' Zouyah Be Bt T.Loah Khan. Ahli-ahlinya, Dr Che Omar b. Hj Awang, Ustaz Abd Halem Hapiz b. Salihen dan Puan Noorhadina bt. Ahmad Zabidi pada 2006-2008. Sumber : Laporan Pengurusan Zakat Selangor 2006, h.11

³³ Laporan Pengurusan Zakat Selangor 2006, h.4 dan 5. Sila rujuk Lampiran 4 untuk Carta Organisasi LZS.

ialah Jabatan Penguatkuasaan/Hisbah, Jabatan Dakwah dan Kutipan, Jabatan Operasi Wilayah, Jabatan Pembangunan Ummah dan Jabatan Pembangunan Asnaf. Manakala tiga jabatan di bawah bahagian pengurusan iaitu Jabatan Kewangan, Jabatan Pentadbiran, Jabatan Pembangunan Korporat dan sebuah akademi yang dikenali sebagai Akademi Zakat Selangor.³⁴

Jabatan-jabatan ini diketuai oleh seorang ketua yang berjawatan Pengurus, Pengurus Kanan atau Penolong Pengurus. Di bawah setiap jabatan terdapat beberapa bahagian yang diketuai oleh seorang Ketua Bahagian yang berjawatan Eksekutif Kanan atau Eksekutif. Setiap bahagian dibahagikan kepada beberapa unit. Unit-unit ini diketuai oleh Eksekutif atau Eksekutif Rendah kemudian diikuti dengan Pegawai Zakat dan dibantu oleh Pembantu Tadbir.³⁵

Terdapat sedikit perbezaan bagi Jabatan Operasi Wilayah di mana ketuanya digelar Ketua Operasi Wilayah dan dibantu oleh Penolong Ketua Operasi Wilayah. Rasional perbezaan ini kerana setiap Ketua Operasi Wilayah berkhidmat di setiap Daerah/Wilayah sedangkan jabatan-jabatan lain terletak di ibu pejabat LZS di Shah Alam dan di bangunan MAIS Klang. Pegawai-pegawai di setiap daerah bertugas di bawah seliaan Ketua Operasi Wilayah sekalipun tugas mereka tertakluk di bawah jabatan-jabatan tertentu di ibu pejabat³⁶.

³⁴ *Ibid*, h. 8.

³⁵ Temuramah dengan Norzaihawati Zainal, *Pegawai Penyelidik*, Akademi Zakat Selangor, Lembaga Zakat Selangor pada 28 Mei 2007 di pejabat LZS Klang, jam 9 pagi.

³⁶ *Ibid*.

4.6 Bidang Tugas Kakitangan Pengurusan LZS

4.6.1 Pengurus Besar

Berada dalam hierarki tertinggi eksekutif pentadbiran di LZS ialah pengurus besar. Berperanan sebagai ketua yang mengeluarkan arahan, membuat keputusan berkaitan pentadbiran, beliau yang menetapkan matlamat LZS dan menentukan ia tercapai, beliau yang meneliti perkembangan dan peluang di luar LZS dan mencari jalan bagaimana LZS dapat menyesuaikan diri dengan perubahan yang berlaku.

Pejabat pengurus besar memiliki tiga unit yang membantu pentadbiran iaitu Unit Undang-Undang, Unit Audit Dalaman dan Unit Kualiti & Penyelidikan Dasar. Unit Undang-Undang memastikan segala urusan perundangan LZS diurus dengan efektif, efisien dan profesional melalui khidmat nasihat, penggubalan, penyediaan dan semakan perjanjian serta pengurusan kes mahkamah selaras dengan peruntukan undang-undang sedia ada berlandaskan syarak. Contohnya, unit ini terlibat dalam pengeluaran fatwa dan enakmen baru berkaitan zakat di dalam undang-undang kerajaan negeri dan proses menyunting, menyemak dan menggazetkan di Dewan Undangan Negeri.³⁷ Unit ini memiliki seorang ketua unit yang mempunyai kelulusan dalam bidang undang-undang, dibantu oleh seorang eksekutif dan seorang pembantu tadbir.

Kedua, Unit Audit dalaman yang diuruskan seorang ketua unit dan seorang eksekutif. Unit ini bertanggungjawab terus kepada pengurus besar. Unit ini berfungsi menentukan sama ada operasi-operasi kewangan diuruskan dengan teratur dan

³⁷ *Ibid.*

memastikan bahawa dasar-dasar, undang-undang dan peraturan-peraturan yang diwajibkan diikuti. Unit ini juga mengulangkaji dan menilai secara teratur dan sistematik segala operasi LZS dari segi kesempurnaan, kemampuan, kecekapan, kekesan dan ekonomi.³⁸

Unit ini turut mengesyorkan langkah-langkah bagi memperbaiki operasi-operasi LZS berkenaan dalam bidang-bidang yang memerlukannya atau dalam keadaan di mana tindakan pembetulan diperlukan, memberi dan menyediakan Pengurus Besar laporan-laporan yang bebas, objektif dan tepat pada masanya mengenai operasi-operasi LZS supaya beliau dapat meninjau akan kedudukan semasa, bagaimana rancangan-rancangannya dijalankan, sama ada matlamat-matlamatnya dicapai, sama ada wang zakat digunakan dengan sepatutnya dan sumber-sumber diperuntukkan dengan cekapnya.³⁹

Ketiga, Unit Kualiti dan Penyelidikan Dasar. Terdapat seorang ketua unit, seorang eksekutif dan seorang pembantu tadbir. Antara fungsi unit ini ialah memantau dan menilai proses perjalanan kerja setiap bahagian, unit dan program yang terdapat di LZS, membuat laporan tugas memantau dan menilai proses perjalanan kerja tersebut, menganjurkan aktiviti penambaan mengikut keperluan semasa berdasarkan kepada laporan yang diperolehi seterusnya memantau secara berterusan untuk memupuk amalan kualiti menjadi satu budaya.

³⁸ *Ibid.*

³⁹ *Ibid.*

Unit ini juga diwujudkan untuk memastikan supaya penyelidikan, pengubalan dasar, perancangan dan pelaksanaan perkhidmatan LZS dapat dikendalikan secara strategik, cekap dan berkesan selaras dengan keperluan pembayar dan penerima zakat dan untuk mencapai objektif LZS. Di samping itu, unit ini juga bertanggungjawab menyimpan, mengawal dan menyelaraskan dasar-dasar perkhidmatan LZS.

4.6.2 Timbalan Pengurus Besar

LZS mempunyai dua orang Timbalan Pengurus Besar yang membantu pengurus besar melicinkan lagi pengurusan dan operasi LZS. Satu mengetuai bahagian operasi dan satu lagi di bahagian pengurusan.

a. Timbalan Pengurus Besar Operasi

Di bawah Timbalan Pengurus Besar Operasi ini terdapat lima buah jabatan :⁴⁰

i. Jabatan Penguatkuasaan dan Hisbah :

Jabatan yang baru ditubuhkan ini bertanggungjawab membuat taksiran dan menyiasat aset-aset yang dimiliki oleh penerima zakat. Penaksiran yang dibuat untuk menentukan *Had al-Kifayah* penerima sebelum menerima bantuan zakat. Setakat yang diketahui, jabatan ini belum melaksanakan penguatkuasaan undang-undang terhadap umat Islam

⁴⁰ *Ibid.*

yang enggan membayar zakat. Urusan penguatkuasaan undang-undang berkaitan agama Islam termasuk zakat masih di bawah bidang kuasa Jabatan Agama Islam di bawah Unit/Bahagian Penguatkuasaannya.

ii. Jabatan Dakwah dan Kutipan :

Jabatan ini dibahagikan kepada empat bahagian :

Pertama : Bahagian Perniagaan : bahagian ini dibahagikan kepada dua unit : Unit perniagaan I dan Unit perniagaan II. Bahagian I menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan zakat perniagaan seperti pengiraan, pelarasan dan semakan zakat. Bahagian II bertanggungjawab memberi penerangan kepada entiti perniagaan berkaitan zakat perniagaan.

Kedua : Bahagian Kutipan : bahagian ini menguruskan dan menyelaraskan ejen kutipan atau pembantu amil di bank-bank, pejabat pos dan institut-institut pengajian tinggi. Bahagian ini yang bertanggungjawab menguruskan kutipan, pemprosesan cek dan lain-lain urusan zakat yang berkaitan dengan bank dan syarikat kewangan.⁴¹

⁴¹ *Ibid.*

Ketiga : Bahagian Majikan : bahagian ini yang menguruskan pembayaran zakat melalui pemotongan gaji oleh majikan terhadap pekerja mereka. Bahagian ini dibahagikan kepada dua unit : Unit Swasta dan Unit Kerajaan.

Unit Swasta : Pegawai-pegawai dari unit ini yang akan turun padang menemui syarikat-syarikat yang berpotensi membayar zakat dan mempunyai pekerja-pekerja yang layak membayar zakat. Mereka akan memberi taklimat dan penerangan mengenai zakat dan bagaimana tindakan majikan selanjutnya. Mereka juga dikenali sebagai pegawai Skim Berkat.⁴²

Unit Kerajaan : Pegawai-pegawai unit ini akan mendekati jabatan-jabatan kerajaan, menemui pengarah-pengarah jabatan kerajaan untuk menyeru mereka dan kakitangan mereka membayar zakat. Pegawai-pegawai ini yang akan menguruskan proses pembayaran zakat melalui potongan gaji dan berhubung dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri bagi mengelak pertindihan kutipan dan penyelarasan.⁴³

Keempat : Bahagian Dakwah : Bahagian ini dibahagikan kepada dua unit : Pertama : Unit Dakwah dan Saham Wakaf. Unit ini yang akan pergi ke masjid-masjid untuk membaca khutbah, mengadakan kuliah,

⁴² *Ibid.*

⁴³ *Ibid.*

ceramah dan taklimat mengenai zakat, mengisi slot kuliah di radio untuk menerangkan tentang zakat, menulis artikel mengenai zakat di media cetak, menulis teks khutbah berkaitan zakat di negeri Selangor dan mengadakan kursus dalam kepada kakitangan LZS sendiri berkaitan dengan zakat. Usaha-usaha mempromosikan dan memproses Saham Wakaf juga melalui unit ini.⁴⁴

Kedua : Unit Promosi : Unit ini bekerjasama dengan Unit Dakwah tadi untuk menyelaraskan kempen-kempen dan promosi membayar zakat melalui forum-forum, ceramah dan kuliah di radio, penulisan artikel mengenai zakat, sebagai wakil LZS dalam program-program Kesenian Islam, program-program anjuran kerajaan, membuka *boot/gerai* di ekspo-ekspo, menguruskan iklan-iklan LZS di media, menguruskan papan tanda (*billboard, banner, bunting*) seruan berzakat di seluruh pelusuk negeri dan yang agak inovatif melancarkan Skuad Kembara Zakat (Skuad Dakwah Zakat) bertujuan untuk menjelajah ke serata negeri Selangor memberi penerangan mengenai zakat secara menyeluruh.⁴⁵

⁴⁴ *Ibid.*

⁴⁵ Temuramah dengan Haji Mohd Helmi Ahmad, *Ketua Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan*, Akademi Zakat Selangor, Lembaga Zakat Selangor pada 28 Mei 2007 di pejabat LZS Klang pada jam 10 pagi.

iii. Jabatan Operasi Wilayah :

Jabatan ini menguruskan operasi kutipan dan agihan melalui empat Zon : Wilayah Utara (Kuala Selangor, Tanjung Karang, Sg Besar), Wilayah Selatan (Cheras, Sepang, Kuala Langat) , Wilayah Timur (Ulu Selangor, Selayang, Sg Buloh, Melawati) dan Wilayah Barat (Ibupejabat di Shah Alam, Klang, Puchong, Subang Jaya, Petaling Jaya dan Damansara) berdasarkan geografi negeri Selangor. Bagi setiap zon mempunyai beberapa buah pejabat dan kaunter zakat yang dibuka berdasarkan keperluan dan kapasiti penduduk.

Setiap kaunter terdapat sekurang-kurangnya dua orang pegawai: Pertama : pegawai khidmat masyarakat atau lebih dikenali sebagai pegawai kaunter. Kedua : pegawai agihan. Di setiap wilayah mempunyai sekurang-kurangnya dua orang pegawai dakwah.⁴⁶

Di bawah jabatan Operasi Wilayah terdapat satu bahagian yang dikenali sebagai bahagian Pengurusan Amil Zakat Fitrah dan data Fakir Miskin. Bahagian ini berpusat di ibupejabat LZS di Shah Alam. Ketua bahagian ini akan menguruskan kutipan zakat fitrah negeri, memproses data fakir dan miskin setiap wilayah dan bertanggungjawab memberi taklimat kepada amil-amil zakat fitrah. Pegawai yang bertugas di setiap kaunter

⁴⁶ Temuramah dengan Norzaihawati Zainal, *Pegawai Penyelidik*, Akademi Zakat Selangor, Lembaga Zakat Selangor pada 28 Mei 2007 di pejabat LZS Klang, jam 9 pagi.

pejabat/kaunter LZS turut memikul tanggungjawab membantu menguruskan hal-ehwal zakat fitrah di kawasan mereka sebelum diserahkan kepada amil-amil zakat fitrah yang dilantik pada bulan Ramadan.⁴⁷

iv. Jabatan Pembangunan Ummah :

Jabatan ini dibahagikan kepada tiga bahagian : Pertama : Bahagian Agihan Pentadbiran : Bahagian ini dibahagikan kepada dua Unit : iaitu Unit Asnaf Utama : Peranan unit ini memproses permohonan dan agihan kepada Asnaf Utama iaitu terdiri daripada asnaf fakir, asnaf miskin dan muallaf dan Unit Dermasiswa : yang menguruskan proses dan permohonan dermasiswa pelajar anak-anak fakir dan miskin. Unit-unit ini mempunyai ketua unit tanpa pegawai eksekutif, dibantu oleh pembantu tadbir.⁴⁸

Kedua : Bahagian Pendidikan dan Kebajikan. Bahagian ini dibahagikan kepada tiga unit : Unit Pembangunan Pendidikan yang berfungsi menguruskan bantuan kepada anak-anak asnaf dalam bidang pendidikan meliputi bantuan yuran pengajian, kelas tuisyen dan kelas komputer, Unit Kebajikan yang menguruskan pakaian sekolah dan kasut. Unit Latihan Pendidikan pula menguruskan kursus-kursus motivasi dan

⁴⁷ *Ibid.*

⁴⁸ *Ibid.*

majlis penyampaian anugerah kepada anak-anak asnaf yang berjaya.

Ketiga : Bahagian pembangunan Ummah : Bahagian ini dibahagikan dua unit iaitu Unit Pembangunan Sosial dan kedua Unit Pembangunan Institusi Agama.

v. Jabatan Pembangunan Asnaf :

Jabatan ini dibahagikan kepada dua bahagian : Pertama Bahagian Pembangunan Ekonomi. Kedua : Bahagian Pengurusan Projek. Bahagian Pembangunan Ekonomi dibahagikan kepada tiga unit iaitu Unit Pembiayaan Usahawan, Unit Pengurusan Usahawan, Unit Pembangunan Usahawan. Ketiga-tiga unit ini bertanggungjawab melahirkan usahawan daripada kalangan asnaf bermula dari pemberian modal, bantuan teknikal dan rundingcara, pemantauan projek dan sebagainya.

Bahagian Pengurusan Projek pula dibahagikan kepada dua unit iaitu Unit Penempatan Berkelompok dan Unit Pusat Komuniti dan Rumah Kebajikan.⁴⁹

⁴⁹ *Ibid.*

b. Timbalan Pengurus Besar Pengurusan

Satu lagi bahagian di bawah pengurusan Timbalan Pengurus Besar Pengurusan mengandungi satu akademi dan tiga buah jabatan:

i. Akademi Zakat Selangor :

Akademi ini baru sahaja diwujudkan bagi mengkhususkan program-program untuk kepentingan kakitangan dan LZS.⁵⁰ Akademi ini terletak di tingkat tiga bangunan MAIS di bandar Klang yang dahulunya merupakan bangunan lama LZS. Akademi ini dibahagikan kepada dua: Pertama : Bahagian Pembangunan dan Penyelidikan dan Kedua : Bahagian Pembangunan Insan.

Bahagian Pembangunan dan Penyelidikan (R&D) dibahagikan kepada dua unit iaitu Unit Kajian Kutipan dan Analisis dan Unit Kajian Agihan dan Analisis. Kajian-kajian yang dijalankan dan analisa yang dibuat adalah untuk kegunaan organisasi sendiri dan dijilidkan di dalam Jurnal Penyelidikan LZS, menganalisis fatwa-fatwa semasa berkaitan zakat, membawa cadangan fatwa-fatwa berkaitan zakat ke majlis Fatwa Negeri Selangor,⁵¹ mengadakan kajian berkaitan isu-isu zakat yang berkaitan dan berkait dengan keperluan LZS, mengadakan bengkel-bengkel untuk ejen kutipan, bengkel penyelarasan dan kemaskini operasi

⁵⁰ Temuramah dengan Haji Mohd Helmi Ahmad, *Ketua Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, Akademi Zakat Selangor, Lembaga Zakat Selangor* pada 28 Mei 2007 di pejabat LZS Klang jam 10 pagi

⁵¹ *Ibid.*

kutipan dan agihan.

Bahagian Pembangunan Insan dibahagikan kepada dua unit iaitu Unit Pembangunan Amil (Kakitangan LZS sahaja) dan Unit Pembangunan Asnaf. Unit Pembangunan Amil bertanggungjawab menambahkan kemahiran kakitangan LZS dengan menguruskan kursus berkaitan seperti kursus komputer dan mengadakan kursus-kursus untuk kakitangan baru.

Bahagian pembangunan Asnaf pula berfungsi sebagai pusat merangka dan mengesahkan kursus yang sesuai dan modul-modul cadangan perunding yang dilantik untuk digunakan dalam latihan kepada asnaf.

ii. Jabatan Kewangan :

Jabatan ini terbahagi kepada empat bahagian iaitu bahagian Pengurusan Sumber Manusia, bahagian Akaun Korporat, bahagian Akaun Agihan dan bahagian Akaun Cawangan. Terdapat dua unit di bawah bahagian pengurusan Sumber Manusia iaitu unit Perjawatan yang menguruskan perantikan, perjawatan dan penggajian kakitangan LZS. Manakala Unit Kebajikan kakitangan pula menguruskan kebajikan dan kesihatan kakitangan seperti perantikan klinik panel bagi kakitangan.

Bahagian Akaun Korporat pula menguruskan pelbagai kakitangan

seperti tuntutan perjalanan dan kerja lebih masa di ibupejabat. Bahagian Akaun Agihan pula terbahagi kepada dua unit iaitu Unit Agihan Utama yang memberi fokus kepada kepada Asnaf Utama (fakir dan miskin) seperti memproses urusan penyerahan cek bantuan dan lain-lain yang berkaitan dengan kewangan dan kedua Unit Agihan Umum yang menguruskan urusan kewangan dan bantuan kepada asnaf yang lain. Bahagian Akaun Cawangan yang terletak di ibupejabat pula hanya menguruskan tuntutan kewangan kakitangan dari cawangan-cawangan.⁵²

iii. Jabatan Pentadbiran :

Jabatan ini dibahagikan kepada dua bahagian. Pertama : Bahagian Pentadbiran dan kedua : Bahagian ICT dan Komunikasi. Bahagian Pentadbiran mengandungi dua unit, iaitu Unit Hal-Ehwal Dalaman yang menguruskan hal ehwal dalam kakitangan seperti penyusunan kerusi meja kakitangan, susun atur perabot dan kelengkapan pejabat dan urusan pinjaman kenderaan syarikat oleh kakitangan. Unit yang kedua, Unit Perolehan iaitu unit yang bertanggungjawab menguruskan keperluan alatulis kakitangan seperti pen, kertas, fail dan sebagainya.⁵³

Bahagian ICT dan Komunikasi mengandungi tiga unit iaitu Unit Aplikasi yang menguruskan pengkalan data dan sistem LZS dan emel

⁵² Temuramah dengan Norzaihawati Zainal, *Pegawai Penyelidik*, Akademi Zakat Selangor, Lembaga Zakat Selangor pada 28 Mei 2007 di pejabat LZS Klang, jam 9 pagi.

⁵³ *Ibid.*

dalam kakitangan, kedua Unit e-zakat yang menguruskan portal e-zakat, mengemaskini dan komunikasi internet dengan pelanggan, ketiga Unit Khidmat Sokongan ICT yang bertanggungjawab menjalankan kerja penyelenggaraan komputer LZS dan kakitangan.⁵⁴

iv. Jabatan Pembangunan Korporat :

Jabatan ini dibahagikan kepada dua bahagian. Pertama : Bahagian Khidmat Pelanggan yang terletak di Ibupejabat LZS di Shah Alam. Bahagian ini dibahagikan kepada dua unit iaitu Unit Khidmat Pelanggan yang bertanggungjawab menguruskan pusat panggilan (*call-center*), menerima aduan, menformat aduan dan menyelaraskan aduan ke jabatan yang berkenaan. Manakala Unit Khidmat Kaunter pula menguruskan pemasangan Piagam Pelanggan dan menyusun atur kelengkapan kaunter-kaunter zakat.

Kedua : Bahagian Komunikasi Korporat : Bahagian ini terbahagi kepada dua unit iaitu Unit Penerbitan yang berperanan menerbitkan majalah *Asnaf*, *pamphlet*, risalah, *brochure* dan membantu unit promosi dari sudut pengisian dan idea. Kedua, Unit Perhubungan Awam yang bertindak selaku jurucakap kepada media dan menguruskan lawatan-lawatan pihak luar ke LZS.⁵⁵

⁵⁴ *Ibid.*

⁵⁵ *Ibid*

4.7 Konsep Amil di LZS

Amil di Lembaga Zakat Selangor pada dasarnya adalah pekerja zakat yang berperanan sebagai ejen yang bekerja bagi memastikan urusan zakat dapat disempurnakan. Kepentingan dan peranan mereka ini disahkan menerusi firman Allah SWT :

﴿ إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَامِلِينَ عَلَيْهَا
وَالْمَوْلَىٰ قُلُوبِهِمْ فِي الرِّقَابِ وَالْغُرْمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ
وَأَبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةٌ مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴾

Bermaksud : *Sesungguhnya sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya (penguatkuasa yang mengumpulkan zakat)⁵⁶, dan orang-orang muallaf yang dijnakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk dibelanjakan pada jalan Allah, dan orang-orang musafir yang keputusan dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan yang datangnya dari Allah, dan ingatlah Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.* (al-Taubah 9 : 60)

Berdasarkan firman Allah ini juga, hak amil sebagai penerima zakat diterima sebagai suatu yang pasti namun hak ini dijustifikasikan atas usaha mereka mengurus zakat. Namun berdasarkan kepada evolusi yang berlaku terhadap amil hari ini. Pembahagian kategori amil diperlukan untuk menjelaskan konsep amil yang terdapat di dalam sesebuah institusi zakat seperti LZS.

⁵⁶ Al-Sabuni (1997), *op.cit.*, j.1, h. 505.

4.7.1 Amil Korporat

Korporat merupakan kalimah yang diambil dari bahasa Inggeris berasal daripada perkataan '*corporation*'. Perkataan ini membawa maksud 'berkaitan dengan syarikat besar' atau 'syarikat besar'. Kalimah ini biasanya digandingkan dengan perkataan budaya (contohnya budaya-korporat), identiti, imej, perancangan, strategi dan gaya.⁵⁷ Secara praktikal, pentadbiran Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan beberapa buah institusi zakat lain hari ini mengikut model institusi korporat. Maka dari situ, lahirlah istilah amil korporat. Iaitu satu istilah yang mendefinisikan amil bukan sebagai individu, tetapi sebagai satu organisasi pengurusan zakat terancang, sistematik dan berskala besar.

Oleh yang demikian, amil korporat hari ini merujuk kepada sebagai satu kumpulan amil yang menjalankan semua aktiviti-aktiviti seperti perancangan gerak kerja, penubuhan organisasi, penyediaan pejabat dan kaunter, merangka sistem maklumat bagi urusan pungut dan agih zakat, melatih kakitangan, penerangan mengenai zakat kepada umum, membuat laporan dan menjaring hubungan dengan jabatan, syarikat dan agensi untuk mencapai tingkat yang optimum dalam pengurusan zakat mirip sebuah syarikat korporat.⁵⁸

⁵⁷ Macmillan English Dictionary for Advanced Learner, International Student Edition (2002), Kuala Lumpur, Bloomsbury Publishing PLC, h. 311.

⁵⁸ Hasan Bahrom & Ezani Yaakub (2006), *Pengurusan Zakat Semasa*, Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UiTM, h 46.

Amil korporat ini diperlukan kerana jumlah dana zakat yang dibayar oleh syarikat-syarikat perindustrian terlalu besar nilainya untuk diuruskan oleh mana-mana individu⁵⁹. Satu organisasi yang terancang dan mempunyai kakitangan yang mahir dalam seperti di dalam sektor korporat mampu memberi keyakinan kepada pembayar zakat. Ini merujuk kepada keperluan amil untuk memahami istilah-istilah korporat dalam mengenal pasti item-item yang dikenakan zakat, lebih-lebih lagi yang melibatkan zakat perniagaan.

Antara ciri-ciri korporat dan moden yang diamalkan di LZS ialah penggunaan tenaga professional dalam pelbagai bidang seperti pengurusan, perakaunan, ekonomi, pemasaran dan teknologi maklumat di samping professional dalam bidang agama. Sebagai contohnya, untuk berkhidmat di LZS sebagai eksekutif pengurusan sumber manusia, pemohon sekurang-kurangnya memiliki diploma dalam bidang pengurusan sumber manusia, begitu juga jawatan seperti akauntan, eksekutif pemasaran dan sebagainya.⁶⁰ Sistem pengurusan yang menggunakan kemudahan ICT seperti pangkalan data pembayar zakat dan asnaf, pungutan secara *on-line* telah memberi imej korporat LZS setanding dengan bank-bank dan institusi kewangan yang lain.⁶¹ Sebagai contoh fungsi pangkalan data pembayar zakat dapat diketahui umum apabila setiap pembayar zakat sentiasa dihubungi oleh pihak LZS menerusi penghantaran majalah Asnaf setiap tiga bulan, menguruskan pembayaran zakat melalui bank dan

⁵⁹ *Ibid.* h. 47.

⁶⁰ Temuramah dengan Norzaihawati Zainal, *Pegawai Penyelidik*, Akademi Zakat Selangor, Lembaga Zakat Selangor pada 28 Mei 2007 di pejabat LZS Klang, jam 9 pagi.

⁶¹ Hasan Bahrom & Ezani Yaakub (2006), *op.cit.*, h. 46.

potongan gaji dan sebagainya. Keupayaan sistem ini setanding dengan institusi kewangan moden yang lain.⁶²

LZS melaksanakan tugasnya sebagai amil hakiki yang mengutip dan mengagih zakat dengan meningkatkan setiap cabang usaha yang boleh membawa kepada kutipan yang optimum dan agihan yang berkesan. Walau bagaimanapun, bukan semua peranan asal amil dapat dilaksanakan oleh LZS. Seperti penguatkuasaan hukuman terhadap golongan yang engkar membayar zakat. Ini berikutan bidang kuasa penguatkuasaan undang-undang pada hari ini terletak ditangan institusi lain. Dalam kes zakat di Selangor, penguatkuasaan dibawah bidangkuasa Jabatan Agama Islam Selangor.⁶³

4.7.2 Amil Individu

Berdasarkan kepada operasi amil di zaman awal Islam yang bergerak secara individu, jumlah kakitangan yang besar dan bidang tugas yang pelbagai di LZS tidak menafikan bahawa kesemua kakitangan LZS dikira sebagai amil kerana mereka di LZS cuba melaksanakan amanah mengurus dana zakat sebaik mungkin mengikut peredaran masa. Di LZS, setiap kakitangan tanpa mengira jabatan merupakan amil yang tertakluk kepada kod etika perkhidmatan yang hampir menyamai syarat-syarat

⁶² Temuramah dengan Norzaihawati Zainal, *Pegawai Penyelidik*, Akademi Zakat Selangor, Lembaga Zakat Selangor pada 28 Mei 2007 di pejabat LZS Klang, jam 9 pagi.

⁶³ Ahmad Hidayat Buang (2005), *Dilema Perundangan Zakat di Malaysia, Zakat Pencyariatan, Perekonomian dan Perundangan*, c.1, Bangi: Penerbitan UKM, h.331.

amil di dalam kitab-kitab fiqh. Justeru, setiap pekerja di LZS dilatih untuk menjadi individu yang menepati konsep asal seorang amil dan syarat-syaratnya.

4.8 Kod Etika Amil LZS

Lembaga Zakat Selangor (LZS) sebagaimana entiti korporat yang lain mempunyai Kod Etika Kerja yang tersendiri. Kod Etika ini menerangkan dengan lengkap tatakelakuan bagi semua kakitangan. Tatakelakuan ini merupakan undang-undang yang wajib dipatuhi oleh setiap kakitangan LZS. Sebarang pelanggaran boleh dikenakan tindakan termasuk perlucutan jawatan.⁶⁴ Secara umum, tatakelakuan ini meliputi kegiatan dan peribadi pekerja sewaktu bekerja menjalankan tugas rasmi dan di luar daripada waktu bekerja. Kod etika ini juga ada menerangkan etika seorang kakitangan secara langsung terhadap LZS dalam beberapa perkara berkaitan politik, aktiviti perniagaan dan kepentingan umum.

4.8.1 Etika Amil Ketika Bekerja

Kakitangan LZS selaku amil dikehendaki mematuhi arahan pihak atasan selagi tidak bercanggah dengan syariah dan undang-undang negara, hendaklah menjaga nama baik LZS, tidak menggunakan kedudukan di LZS untuk kepentingan peribadi, tidak mengabaikan tugas dan datang lewat, tidak membawa tekanan atau pengaruh luar untuk menyokong dan memajukan suatu tuntutan berkaitan perkhidmatan di LZS dan tekanan kepada pengurusan, mestilah bersikap jujur,

⁶⁴ Terma Kakitangan Bukan Eksekutif (t.t), Lembaga Zakat Selangor, Bab Kilanan dan Disiplin, h.55.

menyimpan rahsia segala urusan, akaun, maklumat yang melibatkan LZS dan orang yang berurusan dengannya, tidak boleh tidur dan meninggalkan tempat kerja tanpa sebab, berpakaian kemas sewaktu bekerja selaras dengan Panduan Etika Sahsiah dan Rupadiri Kakitangan LZS dan sebagainya.⁶⁵

4.8.2 Etika Amil Di luar Waktu Bekerja

Kakitangan LZS selaku amil diharamkan merokok walaupun di luar pejabat, tidak dibenarkan memasuki tempat-tempat hiburan seperti disko, pub, *lounge*, karaoke dan konsert yang bercanggah dengan syarak, diharamkan berjudi, minum arak, mengambil dadah dalam apa jua bentuk. Mereka akan dikenakan tindakan keras sekiranya melakukan perbuatan khalwat di antara lelaki dan perempuan yang bukan muhrim. Mereka dilarang mengeluarkan kata-kata yang boleh disifatkan sebagai menolak hukum dan undang-undang Syariah serta apa jua bentuk kenyataan yang boleh menjejaskan akidah seorang Muslim.

Mereka tidak boleh secara langsung atau tidak secara langsung mengambil bahagian dalam kegiatan pengurusan atau kegiatan perniagaan syarikat, firma dan perbadanan lain. Sekiranya terlibat, mereka mestilah mengisytiharkan kepentingannya kepada LZS. Termasuk pemilikan stok dan saham dalam syarikat berhad. Mereka tidak boleh menerbitkan atau menulis apa-apa karya yang diasaskan kepada LZS kecuali dengan kebenaran.

⁶⁵ *Ibid*, h. 56-57.

Mereka dilarang membuat kenyataan awam secara lisan dan bertulis terhadap LZS, dilarang meminta atau menerima sebarang pemberian atau pertolongan daripada mana-mana pihak yang mengharap balasan daripada urusan perniagaan antara LZS dan pelanggan, dilarang menawarkan apa jua bentuk rasuah yang melibatkan LZS dan pelanggannya. Mereka dilarang menerima komisyen daripada urusan yang melibatkan LZS dan pelanggannya. Hadiah yang boleh diterima kakitangan daripada firma yang berurusan dengan LZS dibolehkan tetapi dihadkan kepada barang-barang kegunaan dalam harga yang minima.

Kakitangan tidak dihalang melibatkan diri dalam politik. Mereka dibenarkan memegang jawatan yang dilantik diperingkat Bahagian, Negeri dan Nasional tidak termasuk jawatan Setiausaha dan Bendahari. Mereka dibenarkan berkempen atas kemampuan persendirian dan nama LZS dan anak-anak syarikatnya tidak boleh dilibatkan.⁶⁶

4.9 Perlantikan Amil di LZS.

Dahulunya perlantikan amil oleh pihak LZS bergantung kepada jenis zakat yang dipungut. Hari ini perlantikan amil berdasarkan kapasiti dan tugas telah ditetapkan kepada mereka. Oleh itu terdapat tiga kategori amil di negeri Selangor iaitu amil yang menjadi kakitangan di LZS, amil Zakat Fitrah dan Pembantu Amil yang juga dikenali sebagai Ejen Kutipan.

⁶⁶ *Ibid*, 63-64.

4.9.2 Perlantikan Amil Kakitangan LZS

Lantikan dibuat berdasarkan prosedur pengambilan pekerja yang diuruskan oleh bahagian Pengurusan Sumber Manusia di bawah Jabatan Kewangan LZS. Biasanya iklan kekosongan jawatan akan disiarkan di akhbar-akhbar perdana dan di dalam portal e-zakat. Pemohon dikehendaki mengisi borang permohonan dengan dilampirkan sekali butir-butir peribadi. Permohonan akan diproses di bahagian Pengurusan Sumber Manusia sebelum calon-calon yang layak dipanggil untuk ditemuduga.

Perlantikan perkhidmatan seseorang kakitangan dibuat di atas nama Lembaga Zakat Selangor (MAIS). Semua perlantikan baru tertakluk kepada kelulusan pemeriksaan perubatan oleh panel doktor syarikat, memenuhi syarat-syarat jawatan dalam aspek kelulusan, pengalaman dan mempunyai rekod-rekod pekerjaan yang baik dan memenuhi syarat-syarat perlantikan seperti terkandung dalam borang permohonan. Kakitangan dikehendaki mengisi dan menandatangani Surat Akuan Berkanun⁶⁷ mengisytiharkan bahawa dia tidak mempunyai rekod jenayah, bukan penagih dadah, tidak pernah dibuang kerja, tidak memiliki kewarganegaraan asing dan bukan seorang yang bankrap. Kakitangan juga dikehendaki menandatangani Surat Aku Janji.⁶⁸

⁶⁷ Sila lihat lampiran 5 untuk melihat contoh Surat Akuan Berkanun. Sumber : Terma Kakitangan LZS.h.70

⁶⁸ Sila lihat lampiran 6. untuk melihat contoh Surat Aku Janji. Sumber : Terma Kakitangan LZS.h.71-72

Semua kakitangan yang diambil bekerja akan melalui tempoh percubaan sekurang-kurangnya enam bulan. LZS melakukan penilaian prestasi tahunan untuk menilai prestasi, tahap pencapaian dan potensi kakitangan berasaskan kepada kaedah penilaian prestasi PDA (*Performance Development Appraisal*). Kenaikan tahunan, kenaikan pangkat dan pembayaran bonus adalah berdasarkan *scores* PDA.

Bukan semua kakitangan LZS terlibat secara langsung dengan urusan kutipan zakat daripada orang ramai. Hanya pegawai zakat di kaunter sahaja yang menerima bayaran zakat daripada orang ramai. Pegawai ini menerima dan menaksir semua jenis zakat di kaunter-kaunter zakat termasuk zakat fitrah.⁶⁹ Oleh itu pengetahuan kakitangan yang mendalam mengenai zakat tidaklah disyaratkan kerana kemahiran yang diperlukan adalah pelbagai berdasarkan skop kerja. Pemohon yang berjaya akan ditawarkan kerja samada secara tetap, kontrak ataupun sementara berdasarkan keperluan semasa LZS.⁷⁰ Manakala gaji berdasarkan kepada kelulusan, jawatan, bidang tugas dan pengalaman pemohon. Penulis difahamkan skim gaji pekerja di LZS ini tidak mengikut gred dan skim gaji kakitangan awam sebagaimana anak syarikat MAIS yang lain.⁷¹

⁶⁹ Temuramah dengan Tuan Haji Khairul Azhan Amat, *Pegawai Kutipan*, Kaunter Zakat Subang Jaya, Lembaga Zakat Selangor pada 30 Jun 2007 jam 5.30 petang.

⁷⁰ *Ibid.*

⁷¹ Temuramah dengan Norzaihawati Zainal, *Pegawai Penyelidik*, Akademi Zakat Selangor, Lembaga Zakat Selangor pada 28 Mei 2007 di pejabat LZS Klang, jam 9 pagi.

4.9.1 Perlantikan Amil Zakat Fitrah

Perlantikan amil zakat fitrah dibuat secara tahunan dan kontrak lantikan hanya untuk tempoh sebulan. Iaitu pada bulan Ramadan. Terdapat beberapa syarat yang melayakkan seseorang itu menjadi amil fitrah ini, antaranya mampu mengira dan membaca dengan baik, amanah, penduduk tetap di suatu kawasan dan berumur lebih 30 tahun.

Pemilihan amil dilakukan dalam mesyuarat ahli jawatankuasa masjid. Pihak jawatankuasa masjid akan mencadangkan nama-nama yang diputuskan dalam mesyuarat untuk dimajukan kepada pegawai zakat LZS yang seterusnya akan memproses borang yang mengandungi butir-butir diri amil.⁷² Kemudian sekiranya diterima, maka pihak LZS akan mengeluarkan Kad Kuasa Sementara sebagai amil zakat fitrah dan beberapa keperluan amil seperti beg, kupon dan manual pembayaran zakat fitrah. Kebiasaannya jumlah amil berdasarkan kapasiti penduduk sesebuah kawasan. Sehingga hari ini, perlantikan amil zakat fitrah terhad hanya kepada golongan lelaki.

Ganjaran bagi mereka ditetapkan kepada satu perlapan dari jumlah kutipan.⁷³

Kakitangan di pejabat LZS kadangkala akan ditugaskan menjadi amil zakat fitrah

⁷² Temubual dengan Tuan Haji Nasirin Bin Ahmad, *Amil Zakat Fitrah*, Kg Kanchong Tengah, Banting. di rumah beliau pada jam 11 pagi 20 Oktober 2005.

⁷³ *Jurnal al-Hikmah*, Jabatan Mufti Selangor.h. 10, Bil Disember 2004. Jurnal ini merupakan Jurnal dalam talian (*online*), kandungannya adalah himpunan kertas-kertas kerja yang dibincang dan diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak (FATWA) Negeri Selangor, <http://www.muftiselangor.gov.my>, diakses pada 23 Mei 2007.

yang akan ditempatkan di tempat-tempat tumpuan (kaunter bergerak) umum untuk menampung keperluan umat Islam menjelang Hari Raya Aidilfitri.

4.9.2.1. Upah Amil Zakat Fitrah.

Upah atau ganjaran yang diputuskan bagi amil zakat fitrah di Selangor adalah sebanyak 1/8 dari jumlah kutipan amil itu secara individu. Bahagian tersebut diambil sendiri oleh amil sementara bakinya 7/8 itu yang akan diserahkan kepada LZS.⁷⁴ Sebelum ini di Selangor terdapat beberapa perbincangan diperingkat MAIS (Majlis Agama Islam Selangor) yang membahaskan kewajaran kadar pembahagian upah bagi amil zakat fitrah ini.

Di dalam mesyuarat MAIS (Majlis Agama Islam Selangor) pada 21 November 1997, Timbalan Mufti Selangor pada waktu itu berpandangan kadar upah amil zakat fitrah sebanyak 1/8 daripada kutipan wajar dikurangkan kepada hanya 1/16 sahaja kerana amil tersebut cuma menjalankan tugas mengutip berbanding tugas amil sebenar yang luas. Ditambah lagi perbelanjaan berhubung proses kutipan seperti cetakan kupon, beg amil dan kad tauliah dibiayai oleh Baitulmal dan Pusat/Lembaga Zakat dengan menggunakan peruntukan asnaf amil yang lain.⁷⁵

⁷⁴ Temubual dengan Tuan Haji Nasirin Bin Ahmad, *Amil Zakat Fitrah*, Kg Kanchong Tengah, Banting. di rumah beliau pada jam 11 pagi 20 Oktober 2005.

⁷⁵ *Jurnal al-Hikmah*, *op cit.*, Bil Disember 2004, h.10. <http://www.muftiselangor.gov.my>, diakses pada 23 Mei 2007.

Walaupun bagaimanapun, pandangan tersebut tidak dilaksanakan. Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa kali ke 2/98 memutuskan bahawa cadangan penetapan amil zakat fitrah di Selangor dari 1/8 ke 1/16 adalah persoalan teknikal dan perkara itu diserahkan kepada Pusat Zakat (kini Lembaga Zakat Selangor) untuk ditentukan sendiri.⁷⁶ Sehingga hari ini Lembaga Zakat Selangor masih mengekalkan kadar upah 1/8 tersebut.

4.9.3 Perlantikan Pembantu Amil (Ejen Kutipan)

Ejen kutipan merujuk kepada mana-mana pihak yang telah menandatangani perjanjian dengan LZS (MAIS) untuk mengutip zakat bagi pihak LZS atas semua jenis zakat tertakluk kepada terma-terma dan syarat perjanjian. Kuasa perlantikan ejen kutipan merujuk kepada garis panduan pengurusan ejen kutipan LZS yang telah diwujudkan. Sebarang perlantikan adalah berdasarkan kepada permohonan yang diterima.

Sehingga kini LZS telah melantik 11 buah bank dan 84 buah cawangan Pos Malaysia Berhad diseluruh negeri Selangor sebagai ejen kutipan zakat. Semua ejen ini akan dipantau kerana ejen-ejen ini bukan sekadar mengutip zakat malah mesti terlibat dalam usaha dakwah dan mempromosikan zakat baik di kaunter-kaunter mahupun menerusi portal dan laman web mereka.⁷⁷

⁷⁶ *Ibid*, h. 10.

⁷⁷ e-zakat.com.my diakses pada 28 Mei 2007 dan Majalah Asnaf Bil. September 2006. hal 13.

Penulis difahamkan kos perkhidmatan yang dikenakan adalah lima peratus daripada upah amil yang diterima oleh LZS. Iaitu upah pada hak asal LZS diserahkan kepada ejen-ejen kutipan tersebut kerana menjadi pembantu kepada LZS.⁷⁸

4.10 Kaedah Pembayaran Zakat Lembaga Zakat Selangor⁷⁹.

Terdapat pelbagai cara atau kaedah membayar zakat, samada secara bersemuka dengan amil di kaunter zakat, potongan gaji berjadual, menerusi bank, pejabat pos atau menggunakan kemudahan teknologi seperti internet, SMS (Sistem Pesanan Ringkas), FPX (Financial Process Exchange), telefon dan mesin ATM⁸⁰

Jika ingin membayar di kaunter zakat, terdapat 22 kaunter LZS di seluruh negeri Selangor. Pembayar zakat boleh membuat bayaran samada menggunakan wang tunai, cek atau kad kredit.⁸¹ Di samping membayar, mereka berpeluang mendapatkan khidmat nasihat berkaitan zakat dan mengetahui dengan lebih lanjut mengenai cara pengiraan zakat daripada pegawai bertugas.⁸² Kaunter bergerak Lembaga Zakat Selangor turut dibuka pada masa-masa tertentu⁸³.

⁷⁸ Temuramah dengan Haji Mohd Helmi Ahmad, *Ketua Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan*, Akademi Zakat Selangor, Lembaga Zakat Selangor pada 28 Mei 2007 di pejabat LZS Klang jam 10 pagi.

⁷⁹ Majalah Asnaf Bil September 2007, hal 21.

⁸⁰ Majalah Asnaf Bil September 2006, hal 13.

⁸¹ Tetapi kemudahan ini hanya terhad kepada pemegang kad kredit Bank Islam (Visa dan Master) dan AmBank Group, Al Taslif (Visa dan Master) yang mana penggunaan dan perlaksanaannya selari dengan kehendak syariat Islam.

⁸² Temuramah dengan Tuan Haji Khairul Azhan Amat, *Pegawai Kutipan*, di Kaunter LZS cawangan Cheras di Wisma Dato' Lope pada 23 April 2008 jam 5.10 petang.

⁸³ Bergantung kepada jadual promosi berkala. (Contohnya Promosi Ramadan dan Disember).

LZS menyediakan khidmat pembayaran melalui potongan gaji berjadual yang dikenali sebagai Skim Berkat. Diperkenalkan pada tahun 1997, skim ini menawarkan dua kaedah pembayaran iaitu pembayaran bulanan dan tahunan. Pada tanggal 10 Disember 2003, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah mewajibkan pembayaran zakat ini melalui kaedah potongan gaji khususnya kakitangan kerajaan persekutuan dan negeri, badan-badan berkanun, anak-anak syarikat kerajaan negeri yang beragama Islam dan berkhidmat di negeri Selangor.⁸⁴ Di bawah skim ini digariskan kadar minimum yang melayakkan seseorang individu itu menyertainya berdasarkan jumlah gaji bulanan.

Pengguna boleh menggunakan perkhidmatan bank untuk membayar zakat. Beberapa institusi perbankan di Malaysia telah bersetuju menjadi ejen kutipan bagi mewakili pihak Lembaga Zakat Selangor (LZS)⁸⁵. Terdapat dua kaedah pembayaran zakat melalui perbankan ini samada di kaunter atau secara *online*.

Ada sedikit perbezaan proses membayar di bank dengan membayar di kaunter LZS. Membayar di bank, pembayar perlu memastikan semua maklumat disertakan pada slip bayaran zakat. Pembayar hendaklah mendapatkan Slip Bayaran Sebagai Resit Rasmi (SBSRR) yang diperakui oleh pihak LHDN untuk tujuan mendapat rebat cukai pendapatan.⁸⁶

⁸⁴ Laporan Pengurusan Zakat Selangor 2004, h.13.

⁸⁵ Antara agen perbankan yang menyediakan kaunter perkhidmatan membayar zakat ialah Bank Pertanian Malaysia (Bank Agro), Bank Simpanan Nasional, Bank Rakyat, Bank Islam Malaysia Berhad, RHB Bank, Southern Finance Berhad dan Bank Muamalat Malaysia Berhad.

⁸⁶ Maybank, AmBank Berhad dan Am-Finance Berhad tidak mengeluarkan SBSRR kecuali Slip Salinan Pembayar sahaja.

Bank juga menawarkan perkhidmatan pembayaran dalam talian menerusi perbankan internet. Terdapat beberapa buah bank yang menawarkan perkhidmatan pembayaran zakat melalui internet atau secara online.⁸⁷ Antara kelebihan menggunakan kemudahan ini ialah pembayar boleh membuat bayaran pada bila-bila masa dan di mana-mana tanpa had. Majlis Perunding Hukum Syarak Negeri Selangor telah bersidang pada akhir 2001 dan memutuskan bahawa harus membayar zakat melalui internet dan fatwa ini mula berkuatkuasa sepenuhnya pada tahun 2002.⁸⁸

SMS atau Sistem Pesanan Ringkas merupakan satu lagi evolusi terkini yang disediakan sebagai kemudahan membayar zakat. Perkhidmatan yang memudahkan ini disediakan oleh pihak Bank Islam dan LZS sendiri serta sesuai untuk semua rangkaian telefon mudah alih termasuklah pengguna Maxis, Celcom dan Digi.

Satu lagi kaedah yang ditawarkan ialah dengan menggunakan talian tetap telefon atau Kawanku Phone Banking. Kemudahan ini disediakan oleh Maybank sahaja. Bagi pembayaran melalui mesin ATM, hanya individu yang memiliki kad ATM Bank Islam dan mempunyai kad Smart ATM dan PR Card ATM untuk Public Bank sahaja layak menggunakan perkhidmatan tersebut.

⁸⁷ Menurut e-zakat.com.my yang diakses pada 3 Jun 2008, bank-bank yang menawarkan perkhidmatan pembayaran zakat secara online kepada LZS adalah : Publik Bank, Maybank, Bank Islam, RHB Islamic, CIMB Islamic, AmIslamic Bank.

⁸⁸ e-zakat.com.my diakses pada 3 Jun 2008.

Satu lagi kaedah ialah FPX iaitu Financial Process Exchange⁸⁹ iaitu kaedah *online* di bawah pengawasan MEPS atau Malaysia Electronic Payment System Sdn Bhd. Kaedah yang canggih dan terkini ini menghubungkan antara bank-bank menerusi talian internet (*multi bank internet payment*). Apa yang membezakan kaedah ini dengan perbankan internet ialah FPX menghimpunkan pelbagai institusi perbankan dalam satu tempat sahaja.⁹⁰ Bagi pengguna yang memilih kaedah ini mereka hanya perlu lungsur laman rasmi LZS dan klik di ikon FPX. Perkhidmatan yang diberikan adalah percuma.

Pos Malaysia Berhad juga menyediakan dua kaedah pembayaran zakat iaitu melalui kaunter dan internet.⁹¹ Bagi pembayaran di kaunter, mereka perlu melengkapkan Slip Bayaran Zakat. Bagi pembayaran internet, mereka boleh mendaftar di laman Pos Malaysia⁹² sebelum meneruskan transaksi.

Ringkasnya, terdapat banyak kaedah pembayaran zakat. Ini menunjukkan ejen amil dengan khidmat kemudahan teknologi terkini yang dimiliki mereka dapat membantu umat Islam menunaikan kewajipan membayar zakat dengan lebih mudah.

4.11 Program-Program LZS

⁸⁹ *Ibid.*

⁹⁰ Antara bank yang mengambil tempat di FPX ini adalah CIMB, Malayan Banking Berhad, Public Bank Berhad, Bank Islam Malaysia Berhad, Hong Leong Bank Berhad, Deutsche Bank Ag dan RHB Bank Berhad.

⁹¹ e-zakat.com.my diakses pada 3 Jun 2008

⁹² www.posonline.com.my diakses pada 22 Julai 2007.

Lembaga Zakat Selangor (LZS) dalam merealisasikan hasrat mencapai lima objektif LZS telah merencana dan melaksanakan pelbagai bentuk program. Program ini dikategorikan kepada dua : Pertama : Program yang bertujuan meningkatkan dan memperkasakan kutipan. Kedua : Program yang bertujuan mengagihkan zakat secara efisien.

4.11.1 Program Memperkasakan Kutipan Zakat LZS

Selain daripada tugas hakiki menguruskan kutipan zakat di pejabat dan kaunter LZS, LZS turut mengadakan program-program lapangan khusus⁹³ yang bertujuan meningkatkan jumlah kutipan yang diadakan dari semasa ke semasa. Antaranya : Promosi berkala seperti Promosi Khas Ramadan dan Disember dengan pemasangan kain rentang yang mempromosikan perkhidmatan dan produk LZS dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan konsesi tol seluruh Selangor. Promosi turut dibuat menerusi pemasangan iklan pada badan bas awam.

Aktiviti promosi diaktifkan lagi dengan penubuhan Skwad Dakwah Zakat yang dulu dikenali sebagai Skwad Kembara Zakat. Skwad ini mengedarkan bahan bercetak berkaitan zakat dan mempromosikan kaunter-kaunter zakat wilayah masing-masing. LZS turut mengadakan pameran dari semasa ke semasa memperkenalkan LZS kepada masyarakat di ekspo-ekspo, program-program, majlis-majlis tilawah al-Quran dan sebagainya. LZS turut mengadakan aktiviti dakwah dan penerangan menerusi bengkel-bengkel dan dialog bersama masyarakat. Promosi melalui media

⁹³ Laporan Pengurusan Zakat Selangor 2006, h.14.

massa sentiasa dilakukan khususnya di media elektronik yang mempunyai liputan luas di kalangan masyarakat umum. Seterusnya memperluaskan ejen kutipan (pembantu amil) dari kalangan bank-bank tempatan seiring dengan perkembangan semasa.⁹⁴

4.11.2 Program Agihan Zakat LZS

Peranan LZS ketika mengagihkan harta zakat bukan sekadar menyalurkan bantuan wang zakat atau beras semata-mata, bahkan membangunkan asnaf melalui pelbagai bentuk program yang disediakan. Ini bertujuan memaksimumkan manfaat terhadap bantuan yang diberikan selari dengan objektif LZS iaitu membasmi kemiskinan dan meningkatkan pembangunan sosio-ekonomi umat. Hari ini LZS memberi penekanan kepada empat program khusus iaitu : Program Pembangunan Sosial dan Kebajikan Ummah, Program Pembangunan Ekonomi, Program Pembangunan Pendidikan, dan Program Pembangunan Asnaf.

4.11.2.1 Program Pembangunan Sosial

Di bawah program ini, LZS memberi penekanan dalam aspek perlindungan, keperluan hidup, kebajikan ummah, ukhuwah dan kemasyarakatan. Bagi menjamin hanya mereka yang layak sahaja menerima bantuan di bawah program ini, LZS telah melaksanakan program bancian dan pemilihan fakir miskin di seluruh negeri. Bancian

⁹⁴ *Ibid*, h.17.

dibuat berdasarkan *Had-al-Kifayah* (Had Kecukupan) yang telah diluluskan oleh Majlis Fatwa Negeri Selangor.⁹⁵

Melalui program ini, LZS telah menyediakan bantuan dalam bentuk kewangan sebanyak RM150-RM250 berdasarkan jumlah tanggungan. Di samping menyediakan bantuan makanan bulanan. Bantuan pembinaan rumah turut diperuntukkan bagi asnaf fakir, miskin dan mualaf. Rumah yang dibina dijenamakan dengan nama Baitul Barakah. Bantuan membaiki kerosakan utama rumah seperti membaiki dinding, bumbung, lantai dan dapur termasuk memasukkan kemudahan bekalan elektrik dan air turut diberikan. Bantuan kepada asnaf yang menyewa juga ada disediakan dengan kadar maksimum RM400 sebulan bagi tempoh enam bulan.

Bagi tujuan kebajikan jangka panjang, LZS melaksanakan Skim Perlindungan Takaful untuk asnaf fakir dan miskin yang berumur tidak lebih 54 tahun. Bantuan juga diberikan kepada pesakit yang memerlukan rawatan dialisis. LZS bercadang menubuhkan pusat dialisis sendiri di setiap daerah. Bagi bantuan penyakit kronik, ia diklasifikasikan bawah kos bantuan perubatan fakir/miskin dan *gharimin*. Antara jenis penyakit kronik termasuklah leukimia, sakit jantung, kencing manis dan lain-lain. Kadar maksimum bantuan antara RM20,000-RM30,000 bergantung kepada kategori asnaf.

Bantuan pembiayaan alat sokongan seperti kaki palsu, kerusi roda ada disediakan. LZS juga dipertanggungjawabkan membantu mangsa-mangsa bencana alam seperti banjir, ribut bertujuan meringankan beban mangsa. Bukan itu sahaja,

⁹⁵ *Ibid.*

LZS ada memperuntukkan bantuan hutang keperluan hidup samada dari segi tunggakan sewa rumah, hutang bil elektrik/air, hutang pengajian dan lain-lain jenis hutang yang boleh dipertimbangkan dari semasa ke semasa.⁹⁶

4.11.2.2 Program Pembangunan Pendidikan

LZS begitu prihatin terhadap pendidikan anak-anak asnaf. LZS tidak mahu melihat anak-anak ini mewarisi senarai penerima zakat di masa depan. Anak-anak ini akan diberi bantuan biasiswa dan pembiayaan keperluan hidup. Dermasiswa diberikan bagi membantu mereka melanjutkan pengajian ke institut pengajian tinggi. LZS mengadakan kerjasama dengan beberapa pusat pengajian tinggi bagi memastikan anak-anak asnaf ini berpeluang melanjutkan pelajaran. LZS juga menubuhkan pusat-pusat tuisyen bagi anak-anak asnaf yang menghadapi peperiksaan utama. LZS juga menubuhkan asrama yang dinamakan Baitul Hasanah bagi mengurangkan masalah anak asnaf yang tinggal jauh daripada sekolah. Bantuan dermasiswa turut diberikan kepada pelajar dalam dan luar negara bagi membantu mereka dalam perbelanjaan pendidikan dalam kategori asnaf *fi sabilillah*.⁹⁷

4.11.2.3 Program Pembangunan Insan

Program ini dibangunkan khusus untuk asnaf fakir dan miskin dalam usaha melahirkan asnaf yang berilmu dan bermotivasi. Asnaf ini akan diberi latihan

⁹⁶ *Ibid.*

⁹⁷ *Ibid.*

kemahiran dan pengembangan ilmu dalam bidang-bidang perkembangan teknologi. Asnaf akan dididik ke arah pentingnya penghayatan tuntutan agama dalam kehidupan. Antara aktiviti yang dijalankan dalam program ini : Modul Hijrah Amal, Model Hijrah Ilmu, Model Hijrah Niaga, Model Hijrah Kerjaya dan Model Hijrah Institusi.⁹⁸ Pengisian aktiviti ini bergantung kepada kategori asnaf dan status mereka. Sebagai contoh bagi asnaf warga emas, mereka diberikan kursus Modul Hijrah Amal yang menitikberatkan soal melaksanakan ibadah dengan betul. Modul Hijrahku pula adalah kursus bina insan atau motivasi yang disasarkan kepada sekalian asnaf fakir dan miskin.

4.11.2.4 Program Pembangunan Ekonomi

Bagi asnaf yang berkelayakan akan diberikan keutamaan bagi mendapatkan bantuan dalam bentuk modal perniagaan, modal pusingan, kursus dan latihan kemahiran. Asnaf akan diprogramkan di bawah Kumpulan Usahawan Asnaf Zakat (KUAZ) dan dipantau terus oleh Bahagian Pembangunan Ekonomi LZS. Program ini bagi membantu asnaf mengembangkan perniagaan mereka dan sebagai pusat sumber maklumat perniagaan.

⁹⁸ Majalah Asnaf, Bil. September 2007, h. 34.

